

Headline	Rakyat perlu bersedia kemungkinan surc妖 elektrik		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	27 Jul 2017	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	13	ArticleSize	579 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 19,959
Journalist	N/A	PR Value	RM 59,876
Frequency	Daily		



# Rakyat perlu bersedia kemungkinan surc妖 elektrik

Rebat bukan bersifat kekal, guna tenaga elektrik secara berhemat

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Tenaga (ST) berkata, biarpun kerajaan amat prihatin dengan kenaikan tarif elektrik, pengguna seharusnya menyedari bahawa rebat yang dinikmati sekarang tidak akan berterusan selamanya dan perlu bersedia dikenakan surc妖.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Kanan Pembangunan Industri dan Kawal Selia Pasaran Elektrik suruhanjaya itu, Ir Azhar Omar, berkata memandangkan pemberian rebat itu bukan bersifat kekal, rakyat perlu bersedia dengan kemungkinan itu dan menggunakan tenaga elektrik secara berhemat.

“Walaupun kita sepatutnya mengenakan surc妖, atas sikap keprihatinan terhadap kesejahteraan rakyat, kerajaan masih menggunakan wang yang ada

untuk menampung kenaikan.

“Duit yang ada mungkin tidak dapat menampungnya pada masa hadapan. Rakyat perlu bersedia,” katanya dalam temubual program *Santai Ekspresi* BERNAMA Radio, baru-baru ini.

Program bertajuk ‘Tarif Elektrik Kekal’ ini disiarkan pada 6.15 petang, 11 Julai 2017 di frekuensi radio FM 93.9 MHz serta melalui platform media sosial Facebook live. Suruhanjaya Tenaga adalah badan kawal selia industri bekalan elektrik di negara ini.

## Guna sumber kewangan bagi pembangunan ekonomi

Mengulas lanjut, Azhar menjelaskan, kerajaan bukannya tidak dapat menanggung kenaikan kos itu, sebaliknya sumber kewangan itu sewajarnya digunakan bagi tujuan pembangunan ekonomi dan negara memerlukan banyak sumber kewangan untuk pembinaan hospital, jalan raya dan sebagainya.

“Peranan suruhanjaya ialah memastikan bekalan elektrik yang berdaya harap pada harga munasabah dan mengambil kirra kos membekalkan elektrik serta pulangan munasabah untuk pihak utiliti, kos bekalan api dan sebagainya,” katanya.

Azhar berkata, Suruhanjaya Tenaga juga tidak mahu syarikat utiliti negara, Tenaga Nasional Berhad (TNB) meraih keuntungan berlebihan, malah sedang melakukan audit ke atas TNB serta semua akaunnya bagi memastikan kos yang ditanggung pada tempoh regulatori pertama adalah munasabah serta efisien, seperti ditetapkan.

“Tempoh regulatori pertama untuk proses semakan tarif akan berakhir pada 31 Disember 2017. Mulai 1 Januari, 2018, kita akan mulakan semakan kedua untuk tempoh regulatori kedua,” katanya.

Beliau berkata, dalam perjanjian pembelian tenaga (PPA) generasi pertama, kebanyakan pengeluar penjana bebas (IPP) mencatat sedikit keuntungan. Atas dasar itu, kerajaan telah merundukkan kadar ditetapkan sebelum ini dan kebanyakannya IPP bersetuju untuk meningurangkan harga.

“Kita telah kumpul RM1.8 bilion. Selama ini, kita menggunakan dana ini untuk memberi rebat dan sebagainya.

“Sehingga Disember 2017, kita masih mempunyai baki (daripada RM1.8 bilion), tetapi untuk Januari dan seterusnya, saya kena tengok semakan sama

ada (berlaku) peningkatan atau tidak,” katanya.

Menurutnya, Suruhanjaya Tenaga juga menggunakan RM1.3 bilion daripada jumlah dikumpul itu. Inisiatif lain yang digunakan pakai sejajar dengan perubahan persekitaran global itu adalah rebat Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT).

## Imbangi kos tidak boleh dikawal

“Dasar rebat ICPT itu ialah mengimbangi kos yang tidak boleh dikawal oleh pihak utiliti.

“Ia berkait rapat dengan kos bahan api dunia. Jika ia tidak dapat dilepaskan dari segi rebat atau surc妖, kos ini terpaksa ditanggung pihak kerajaan,” katanya.

Azhar berkata, bagi membolehkan TNB memberi perkhidmatan yang baik, ia juga memerlukan pendapatan yang boleh digunakan bagi menampung kos.

“Sekiranya kos asyik meningkat, tetapi pendapatan masih tidak dapat diperoleh secara mencukupi, lama-lama ia (TNB) akan tutup, perkhidmatan akan merosot dan kerajaan terpaksa menyelamatkannya,” katanya.

BERNAMA

Headline	Rakyat perlu bersedia kemungkinan surcaj elektrik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	579 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,959
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,876

